

## PKN Tanjung Karang Salur Bantuan Covid-19

Oleh: Nurussyifa' Idrus Saedi, 1180309

KUALA SELANGOR: Penggerak Komuniti Negara (PKN) Parlimen Tanjung Karang menyalurkan bantuan Covid-19 kepada penduduk yang terjejas di sekitar kampung Bukit Belimbing.

Pengerusi PKN Parlimen Tanjung Karang, Zainal Abidin Abdul Samad berkata, bantuan berupa barangan keperluan asas itu melibatkan 15 keluarga penerima terdiri daripada golongan asnaf, ibu tunggal, pesakit kronik dan orang kurang upaya (OKU).

“Sumbangan itu disalurkan secara berperingkat bagi meringankan beban golongan kurang berkemampuan tersebut.

“Program ini adalah untuk menyantuni dan cuba menyelami masalah apa yang boleh kita bantu kepada keluarga-keluarga tersebut,” katanya.



Agihan keperluan asas kepada penduduk. – Gambar hiasan

Barisan Kepimpinan PKN Parlimen Tanjung Karang yang terdiri daripada Pengerusi Dun Permatang, Dun Sungai Burong, Wanita NOW, Pemuda Negara, Wanita Muda Negara serta Pemuda Armada dan ahli Bersatu yang lain turut serta dalam program ini.

Antara barangan keperluan asas yang diedarkan ialah beras, minyak masak, gula, tepung gandum, telur, susu pekat, garam, bihun, kicap, sos cili, sardin, teh atau kopi dan biskut.

Mengenai bantuan, Zainal berkata, semua penerima ini sudah dikenal pasti dan jelajah dijalankan pada setiap minggu mengikut kawasan.

Katanya lagi, setiap minggu PKN akan menyalurkan pelbagai jenis bantuan antaranya gotong-royong membaik pulih rumah, ziarah kasih prihatin rakyat dan isian petrol percuma kepada *frontliner rider*.



Ibu kepada anak OKU menerima bantuan asas makanan. – Gambar hiasan

Nur Fairuz Harun, 44, penerima bantuan, mengambil upah menjahit bagi membantu suami bekerja kampung namun hasil jahitan pada musim pandemik sedikit terjejas.

“Terima kasih bersyukur sangat kerana terpilih, sumbangan ini serba sedikit dapat membantu keperluan keluarga,” kata ibu kepada 7 anak itu.

Sumbangan PKN amat membantu golongan yang memerlukan terutama bagi menghadapi musim Covid-19 yang masih belum reda, katanya lagi.